

# Hasil projek UTHM dapat penarafan emas



**KIK UTHM mendapat Penarafan Emas dalam Konvensyen Team Excellence, Wilayah Selatan 2017.**

**BATU PAHAT** - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) mencipta sejarah tersendiri apabila dua hasil projeknya mendapat Penarafan Emas dalam Konvensyen Team Excellence, Wilayah Selatan 2017.

Menurut Bahagian Perhubungan Awam UTHM, dua kumpulan terbabit ialah Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK Pusat Tanggungjawab-PTj) di universiti berkenaan.

Katanya, kumpulan terbabit ialah Kumpulan Q-PPD dari Pusat Pengajian Diploma (PPD) dengan membentangkan tajuk projek 'Kelewatan Memasukkan Markah Latihan Industri' dan Kumpulan Renaissance dari Pusat Kesihatan Universiti (PKU) dengan tajuk projek 'Pengambilan Darah Mengambil Masa Yang Lama'.

"Hasil dari projek kedua-dua kumpulan iaitu 'Industrial Training Assessment System (ITAS)' dan 'Blood Sampling Kit', yang berjaya mendapat penarafan emas ini, membawa makna yang tersendiri kepada Pusat

Tanggungjawab (PTj) masing-masing

"Ini kerana, projek sebegini beri ruang dan peluang untuk diadaptasikan kepada persekitaran kerja yang lebih mantap, terancang serta efisien," katanya.

Tambahnya, sebelum ini kumpulan KIK UTHM juga meraih anugerah dalam konvensyen sama pada tahun 2016.

Katanya, UTHM turut memenangi dua anugerah emas yang diraih hasil kolaborasi kumpulan Mosfet dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE) dengan tajuk projek 'Permohonan Komponen Elektronik Secara Online' dan Kumpulan BOSS dari Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV) dengan projek 'Kesukaran Penyediaan Rancangan Mengajar Harian (RMH) dalam Program Latihan Mengajar (PLM)'.

"Dengan kejayaan ini, ia membuktikan bahawa universiti ini juga mempunyai produk dan hasil penyelidikan yang mampu diketengahkan dalam usaha meningkatkan inovasi," katanya.